

Berita Harian
20 September 2023



Insurans, takaful ke arah kestabilan kewangan lestari

Pada zaman ketidaktentuan ekonomi ini, tidak kira berapa teliti perancangan kewangan anda, ia mungkin juga akan terjejas disebabkan pelbagai ketidakpastian.

Contohnya, pandemik COVID-19, selain daripada kecemasan kesihatan lain seperti benca alam tidak dijangka, semuanya memberi kesan kewangan yang membebankan kepada setiap individu.

Dalam konteks ini, insurans dan perlindungan takaful menjadi medium kewangan terpenting yang dapat melindungi individu daripada cabaran tidak dijangka dan akan mengembalikan kehidupan mereka kepada keadaan sedia kala.

Ramai bertanya kepada saya - adakah pandemik ini sudah mendorong lebih ramai orang untuk membeli insurans hayat dan takaful keluarga? Secara umumnya, saya percaya ia meningkatkan kefahaman kepada keperluan untuk mengukuhkan perlindungan isi rumah bagi membina asas kewangan berkekalan dan lebih lestari.

Perlindungan insurans dan takaful memberikan lebih daripada ketenangan jiwa; ia berfungsi sebagai jaring keselamatan, memastikan keluarga dapat berhadapan dengan ketidakpastian tanpa memberi kesan kepada kestabilan kewangan.

Melindungi kewangan masa depan di dalam dunia di mana

RAYMOND LEW

Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden/
Ketua Pegawai Negara,
Sun Life Malaysia



PANDANGAN

**Sun Life**

ketidakpastian semakin menjadi norma kehidupan, kepentingan perlindungan kewangan tidak boleh diambil remeh.

Kami di Sun Life Malaysia percaya, insurans dan takaful menjadi persediaan yang penting dari segi kewangan, ia dapat menyediakan jaringan keselamatan apabila berhadapan dengan cabaran kehidupan tidak dijangka.

Sekali gus, memberikan persediaan dan memastikan kestabilan kewangan tetap kukuh kepada individu dan keluarga untuk berdepan dengan situasi kecemasan atau dituji dalam kehidupan seperti kehilangan pekerjaan.

Selain itu, kenaikan kos perubatan yang tinggi akibat peningkatan penyakit berkaitan gaya hidup, perlindungan insurans dan takaful menawarkan akses penting kepada penjagaan kesihatan yang dapat membantu mengurangkan beban kewangan bagi perbelanjaan perubatan.

Insurans dan takaful bukan sekadar perlindungan; ia boleh membantu anda mencapai aspirasi hidup yang diimpikan. Sama ada untuk menjamin pendidikan anak anda, pelan persaraan lebih selesa atau mengejar sesuatu matlamat hidup.

Insurans dan takaful juga berperanan, memastikan kekayaan anda dan kumpulan dapat dinikmati dan dipindahkan dengan mudah kepada generasi seterusnya.

Sun Life Malaysia sebagai barisan hadapan industri insurans dan takaful telah mencipta pelbagai produk insurans dan takaful inovatif untuk memenuhi keperluan pelbagai individu dalam pelbagai peringkat kehidupan.

Takaful Mulia adalah pelan takaful komprehensif yang membolehkan pelanggan Muslim menyelaraskan matlamat agama dan kehidupan mereka dengan lancar.

Antara tawarannya seperti pelan takaful Sun Secure Saver-i, yang merangkumi manfaat simpanan, pelaburan, dan juga perlindungan sebagai persediaan untuk berhadapan dengan pelbagai perkara penting kehidupan sekali gus memberi jaminan kepada kepentingan kewangan kita.

Dengan meletakkan keutama-

an keperluan pelanggan, kami juga memperkenalkan e-hibah pertama dalam industri untuk memastikan pelanggan kami dapat menetapkan penerima manfaat dengan cara yang mudah dan mesra.

Terkini, kami memperkenalkan Family Critical Care-i, pelan penyakit kritis yang telah memenangi anugerah bagi memenuhi keperluan keluarga multi-generasi masa kini.

Perlindungan berbezaya

Di Sun Life Malaysia, kami komited untuk memperkasakan individu bagi mencapai tahap kewangan yang berpanjangan selain menjalani kehidupan lebih sihat.

Antara matlamat utama kami adalah untuk menyokong masyarakat meningkatkan tahap keselamatan kewangan, tanpa mengira latar belakang kewangan mereka.

Takaful Mulia adalah pelan takaful komprehensif yang membolehkan pelanggan Muslim menyelaraskan matlamat agama dan kehidupan mereka dengan lancar.

Dilaporkan, 30 juta rakyat Malaysia dan lebih daripada 85 peratus perniagaan kecil dan sekeras juga tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi.

Dengan produk inovatif, Sun Life Malaysia tidak hanya memperluaskan akses kepada insurans dan perlindungan Takaful, tetapi juga mencipta penyelesaian yang sejajar dengan keperluan dan pilihan rakyat Malaysia.

Dalam mempromosikan tawaran inklusif kewangan ini, kami

melanckarkan GOLIFE dan GOTAKAFUL, produk mikro insurans mudah alih pertama di Malaysia.

Seperti kata John Fitzgerald Kennedy; "Terdapat risiko dan harga dalam setiap tindakan yang dilakukan. Namun, harga dan risiko jangka masa panjang lebih tinggi daripada tindakan tidak cermat."

Tahun ini, Sun Life Malaysia meraka ulang tahun ke-10 dan saat saya merenung kembali perjalanan selama sedekad ini, saya berbangga dengan impak positif kami cipta dalam kehidupan 1.2 juta orang pelanggan yang telah mempercayai kami untuk perancangan masa depan kewangan mereka.

Kami memahami matlamat yang mendalam dalam perniagaan ini dan tetap teguh dalam komitmen kami untuk membantu masyarakat membina masa depan yang lebih selamat dan cerah, dan bukan hanya untuk diri mereka sendiri tetapi juga untuk keluarga.

Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana Sun Life Malaysia terus berusaha untuk menyampaikan produk insurans dan Takaful yang inovatif untuk mempromosikan keselamatan kewangan, lawati www.sunlifemalaysia.com.

Sun Life Malaysia ialah pembekal insurans dan takaful.